

24/03/2003

Dr M meriahkan litar

PERDANA Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad turut memeriahkan perlumbaan Petronas Grand Prix Malaysia kali kelima di Litar F1 Sepang.

Dr Mahathir yang bercuti selama dua bulan dari 6 Mac hingga 4 Mei ini, kembali ke tanah air dari Brazil Khamis lalu untuk merasmikan perlumbaan F1 itu dan juga menyampaikan hadiah kepada pemenang.

Ketibaan Dr Mahathir disambut oleh Pemangku Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Pengerusi Petronas Tan Sri Azizan Zainol Abidin, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Petronas Tan Sri Mohd Hassan Marican dan Pengerusi Sepang International Circuit (SIC) Tan Sri Basir Ismail serta Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishammuddin Tun Hussein.

Seperti kelaziman sebelum ini, upacara pembukaan bermula dengan persembahan kebudayaan tarian pelbagai kaum di negara ini yang dipersembahkan di hadapan petak permulaan litar sepanjang 5.543km itu yang dibina dengan kos RM286 juta.

Petronas yang juga penaja utama sejak perlumbaan sulung F1 dilangsungkan di negara ini pada 1999, sebelum itu memperagakan pasukan sukan bermotornya kepada penonton dengan membuat lintasan satu pusingan dimulai pasukan motosikal Petronas Sprinta, diikuti pasukan rali Petronas-EON Racing Team (PERT) bersama juara dunia Karamjit Singh, serta Pasukan Pengembaraan Petronas pemanduan 4x4.

Dr Mahathir menaiki kereta Mercedes yang dipandu Basir mendahului perarakan kereta klasik yang dinaiki pemandu-pemandu F1 dengan kereta di belakangnya membawa Abdullah.

Dr Mahathir, Abdullah dan tetamu kenamaan kemudiannya juga melawat paddock 10 pasukan yang bertanding.

Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah dan Raja Muda Selangor, Tengku Amir turut berangkat menyaksikan perlumbaan itu.